Utusan Borneo: 11 November 2026

Dua sahabat mencuri di premis farmasi dipenjara

MIRI: Dua sahabat dijatuhi hukuman penjara masing-masing 12 bulan dan lapan bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana mencuri lima botol vitamin dari sebuah premis farmasi dan barang penjagaan diri.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Umi Syukriah Harun selepas meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan bersalah kedua-dua tertuduh, rayuan mereka, keseriusan kesalahan, kepentingan awam serta mengambil kira bahawa mereka turut mempunyai beberapa rekod kesalahan lampau.

Kedua-dua tertuduh, Barnabas Barat, 50, dan Erick Etiqus Roselius Empiang, 20, didakwa mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Menurut pertuduhan kes, kedua-dua tertuduh didapati telah mencuri lima botol vitamin Proviton milik sebuah premis farmasi dan barang penjagaan diri.

Kesalahan itu dilakukan mereka pada jam 1.01 tengah hari, 31 Oktober lalu di premis berkenaan yang terletak di sebuah kompleks beli-belah di Jalan Miri Pujut di sini.

Siasatan lanjut polis mendapati perbuatan kedua-dua tertuduh dirakam dengan jelas kamera litar tertutup (CCTV) di tempat kejadian semasa mengambil lima botol vitamin tersebut dari rak jualan sebelum beredar tanpa membuat pembayaran.

Di hadapan mahkamah, Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry memohon agar kedua-dua tertuduh dikenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada mereka dan masyarakat di luar sana agar tidak melakukan kesalahan serupa.

Tambahan katanya, kedua-dua tertuduh turut mempunyai rekod kesalahan lampau iaitu empat rekod bagi Barnabas dan dua rekod bagi Erick membabitkan kesalahan serupa.

Bagi kesalahan itu, Barnabas dikenakan hukuman penjara 12 bulan, manakala Erick dipenjara lapan bulan.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas kedua-dua tertuduh yang tidak diwakili peguam bela, dikuatkuasakan dari tarikh tangkapan pada 4 November lalu.